

**PARLIMEN: Malaysia Disaran Main Peranan Proaktif Cari Penyelesaian Pergolakan Di Selatan Thai**  
**Bername**  
**24 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Beberapa anggota Parlimen Rabu menyarankan supaya Malaysia terus memainkan peranan proaktif ke arah mencari penyelesaian pergolakan di wilayah selatan Thailand sepertimana usaha ke arah penyelesaian konflik di Selatan Filipina.

Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas) berkata mengapa tidak rangka kerja sama yang diguna antara kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) yang dilihat berjaya mewujudkan perdamaian di wilayah itu, diguna di Selatan Thailand.

"Saya harap kalau boleh hendak cadangkan kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) dan Menteri Luar (Datuk Seri Anifah Aman) supaya membawa rangka kerja yang dicapai di antara Bangsamoro dengan kerajaan Filipina ini ke negara Thailand pula kepada rakyat di empat wilayah dengan kerajaan Thailand.

"Kerajaan Thailand juga kita tahu amat terbuka dan memang mahu melihat keamanan di kawasan empat wilayah di selatan itu," katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat, di sini.

Datuk Ismail Kasim (BN-Arau) pula melihat peranan Malaysia dalam memulihkan keadaan di Selatan Thailand bukanlah bagi mencampuri urusan dalam negara jiran itu tetapi demi mewujudkan komuniti Asean yang lebih baik.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704552>